

TARIKH	31/10/2011	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	NASTONCU

3 jemaah haji maut dalam nahas

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

KUANTAN - Tiga jemaah haji yang baru pulang daripada menunaikan Rukun Islam kelima maut, manakala tiga lagi parah, apabila van yang mereka naiki merempuh belakang sebuah lori di Kilometer 210.02 Lebuhraya Pantai Timur, awal pagi semalam.

Tiga mangsa terbunuh dalam kejadian kira-kira jam 3.40 pagi itu termasuk dua beranak, iaitu Zainab Awang Hassan, 59, dan Kamarudin Ab Rahman, 43, dari Permatang Badak serta Seri Teruntum, manakala seorang lagi rakan mereka, Fatimah Said, 63, dari Kampung Rozali, di sini.

Pemangku Tadbir Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, Asisten Superintendan Zainalabidin Othman berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila van dinaiki jemaah haji itu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menghala ke Kuantan merempuh bahagian belakang sebuah lori yang membawa muatan bijih besi.

"Berdasarkan laporan, kemalangan berlaku di lorong sebelah kiri dan terdapat kesan tayar di laluan kiri. Hasil siasatan mendapati pemandu van mempunyai lesen memandu yang sah.

"Tiga mangsa meninggal dunia di tempat ke-



Keadaan di lokasi kejadian kelihatan salah satu mayat terbaring di bahu jalan sebelum dihantar ke HTAA.



INFO GRAFIK: NAHAS KILOMETER 210.2 LEBUHRAYA PANTAI TIMUR



FATIMAH



ZAINAB



KAMARUDIN



Sebahagian daripada ahli keluarga mangsa yang menunggu jenazah di perkarangan bilik mayat HTAA, Kuantan.

jadi akibat kecederaan parah, manakala dua lagi penumpang termasuk Tuan Mazlinawati Tuan Abdullah, 37 yang juga isteri kepada Kamarudin, serta pemandu van turut mengalami kecederaan dan dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) untuk rawatan lanjut," katanya kepada pemberita.

Kes tersebut disiasat di bawah seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sempat mengajar ibu mengucap

SEMENTARA itu, kedua-dua keluarga mangsa yang sedang membuat persiapan bagi menyambut kepulangan insan kesayangan mereka terkejut dengan berita kematian berkenaan.

Anak sulung Fatimah, Saidi Sidek, 47 berkata, dia bergegas ke lokasi kejadian sebaik dimaklumkan tentang berita itu dan arwah ibu-

nya masih bernyawa ketika itu.

"Saya sepatutnya mengambil ibu di KLIA tetapi dia berkeras ingin pulang sendiri menaiki van yang disediakan agensi dan saya hanya menunggu di rumah.

"Kira-kira jam 3 pagi, saya ke pejabat agensi di Tanah Putih untuk mengambilnya tetapi diberitahu van membawa ibu saya kemalangan.

"Saya bersama isteri segera ke lokasi dan saya bersyukur kerana masih sempat mengajar ibu mengucap dua kalimah syahadah. Arwah meninggal di pangkuan saya sendiri," katanya.

Sebelum dia pergi ke Makkah, kata Saidi, memang sudah ada perubahan yang berlaku kepada dirinya tetapi mereka tidak menyangka itu adalah petanda.

"Arwah sebelum berangkat ke Makkah sempat berpesan kepada saya selaku anak sulung supaya menjaga adik-adik yang lain," katanya ketika ditemui di bilik mayat HTAA.

Manakala, anak kepada Zainab, Sufian Ab Rahman, 36, berkata, dia sekeluarga berkumpul menunggu kepulangan ibu, abang dan kakak iparnya tetapi dikejutkan dengan berita menyedihkan itu.

Katanya, permintaan arwah ibunya untuk bercuti ke Langkawi bersama keluarga juga ha-

nya tinggal angan-angan sahaja.

"Memang kami terkejut dengan kehilangan dua ahli keluarga sekali gus, tambahan pula hubungan kami sekeluarga amat rapat.

"Sepanjang di tanah suci, memang kami adik-beradik sentiasa berhubung dan kami sangat teruja untuk sambut kepulangan mereka," katanya.

Apa yang terkilang, katanya, arwah ibu memang berhajat untuk bercuti di Langkawi dan mereka sudah merancang ke sana pada 11 Disember depan tetapi terpaksa dibatalkan.

"Keluarga juga ada merancang mengadakan kenduri kesyukuran sempena menyambut kepulangan mereka tetapi terpaksa ditukarkan dengan kenduri arwah," katanya.

Sementara Kamarudin yang bekerja sebagai guru di SK Bukit Rangan meninggalkan seorang balu dan empat orang anak.

"Kali terakhir saya bercakap dengan ibu dan abang ialah sebelum dia berangkat pada 19 September lalu serta mereka sempat berpesan supaya jangan tinggal solat dan jaga keluarga dengan baik," kata Sufian.

Ketiga-tiga mangsa dikuburkan dalam satu liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Batu Lapan selepas Zohor.